

Persembahan Awang Batil

Rakan Irfan, Amna, menonton persembahan Awang Batil di Balai Seni Negara. Dia menceritakan pengalamannya kepada Irfan.

Saya **tertanya-tanya** akan bentuk persembahan yang akan diadakan. Saya nampak beberapa buah alat muzik dan topeng di atas pentas. Topeng yang usang dan **kemerah-merahan** itu kelihatan istimewa. Persembahan pada hari ini pasti diadakan secara **besar-besaran** kerana banyak **tetamu** dari luar negara diundang.

Kemudian, kelihatan seorang lelaki tua di atas pentas. Nampaknya, beliau adalah pelipur lara persembahan ini. Beliau mula mengetuk-ngetuk batil yang kecil di atas ribanya sambil menyampaikan cerita dongeng-dongengan secara bersahaja. Selepas itu, biola pula digesek-gesekkan dalam nada yang perlahan sesuai dengan ceritanya. Walaupun asyik bercerita, beliau tidak lupa berjenaka untuk menghiburkan penonton.

Pada akhir persembahan, pelipur lara meniup serunai dan memukul-mukul rebananya. Persembahannya mendapat tepukan gemuruh. Sebelum turun dari pentas, beliau diraikan oleh penganjur. Beberapa orang tetamu bersalam-salaman dan menghadiahinya beliau cenderamata. Pengalaman saya menonton persembahan Awang Batil ini menjadi kenang-kenangan yang tidak akan saya lupakan.



Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara



Munshi Cilik

Kata ganda separa ialah kata yang menggandakan sebahagian kata dasar sahaja. Kata dasar terdiri daripada kata tunggal atau kata berimbuhan.



Aktiviti

Kenal pasti kata ganda separa. Kemudian, tulis sepucuk surat yang mengandungi kata ganda separa untuk menceritakan pengalaman tersebut semula.

Nota Guru

5.2.3

- Bimbing murid memahami kata ganda separa.
 - Bimbing murid menulis surat dengan menggunakan kata ganda separa.
- Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme
EMK: Nilai Murni – Menghargai budaya

KBAT: Mengaplikasi – Membina